

KEPUTUSAN MESYUARAT JKE FKEE BIL.2/2024

TARIKH : 18 FEBRUARI 2024

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN
1	PELATAAN KEPUTUSAN MESYUARAT	Mesyuarat secara dasarnya bersetuju keputusan mesyuarat dimaklumkan kepada warga FKEE secara umum dan ringkas
2	TINDAKAN SUSULAN BERKAITAN PRODUK PENYELIDIKAN YANG TELAH DIPATENKAN DAN MEMPEROLEHI SIJIL GRANTED	Mesyuarat mengambil maklum Sijil <i>Granted Produk Dual Frequence Plannat Array</i> akan tamat tempoh 5 tahun. Pemohon paten berkenaan sebelum ini adalah di bawah Prof. Madya Dr. Yusoff Bin Ismail. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju paten produk berkenaan tidak diperbaharui.
3	TAWARAN SKIM PEMBANGUNAN POTENSI	Mesyuarat mengambil maklum kelulusan permohonan Skim Pembangunan Potensi Prof. Madya Dr. Shamsul Aizam Bin Zulkifli seperti butiran berikut : Tarikh : 15/2/2024 - 30/2/2024 Tempat : Zurich University Of Applied Sciences
4	ARAHAN MENJALANKAN TUGAS JAWATAN GILIRAN	Mesyuarat mengambil maklum arahan menjalankan tugas bagi Prof. Madya Dr. Shamsul Aizam Bin Zulkifli seperti butiran berikut : Jawatan : Timbalan Pengetua 1 (Kolej Kediaman Luar Kampus) Tempoh : Mulai 1 Februari 2024 sehingga jawatan diisi oleh penyandang yang dilantik UTHM
5	ARAHAN MENJALANKAN TUGAS JAWATAN GILIRAN	Mesyuarat mengambil maklum arahan menjalankan tugas bagi Prof. Madya Dr. Dr. Khairun Nizam Bin Ramli seperti butiran berikut : Jawatan : Ketua Jabatan (Sains, Teknologi & Inovasi), Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah Tempoh : Mulai 1 Februari 2024 sehingga jawatan diisi oleh penyandang yang dilantik UTHM
6	ARAHAN PERTUKARAN PENEMPATAN BERTUGAS	Mesyuarat mengambil maklum Puan Nur Farhana Azman dari Pejabat Pendaftar akan mengambil alih tempat Cik Nurulhuda Binti Md. Sharif selaku Penolong Pegawai Tadbir Unit Pasca Siswazah FKEE bermula 3 Mac 2024.
7	TINDAKAN LUCUTHAK EMOLUMEN TERHDAP STAF DI BAWAH PTJ BAGI BULAN OKTOBER NOVEMBER DAN DISEMBER 2023	1. Mesyuarat mengambil maklum satu (1) orang staf FKEE telah dikenakan tindakan pemotongan emolumen bagi bulan November & Disember 2023 2. Mesyuarat juga bersetuju staf yang mempunyai 3 atau lebih rekod kehadiran bagi setiap bulan akan diberikan surat peringatan.

8	<p style="text-align: center;">PERLANTIKAN & PENYAMBUNGAN STAF KONTRAK AKADEMIK</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum perlantikan dan penyambungan staf kontrak akademik berdasarkan ketetapan berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk menampung tenaga pekerja dalam jawatan profesional yang sukar dipenuhi oleh pegawai warganegara yang berkelayakan. 2. Sekiranya sesuatu perkhidmatan memerlukan kepakaran yang sukar diperolehi di Malaysia 3. Staf bukan warganegara yang telah berkhidmat lebih 10 tahun perlu mendapat kelulusan KDN
9	<p style="text-align: center;">PERLANTIKAN & PENYAMBUNGAN STAF KONTRAK AKADEMIK</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum permohonan penyambungan staf akademik kontrak perlu sampai ke Pejabat Pendaftar selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh kontrak tamat.</p> <p>Mesyuarat bersetuju staf akademik kontrak FKEE perlu menghantar borang permohonan penyambungan ke Unit Pentadbiran FKEE selewat-lewatnya dalam tempoh sembilan (9) bulan sebelum tarikh kontrak tamat bagi membolehkan dokumen permohonan dihantar ke Pejabat Pendaftar sebelum tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh kontrak tamat. Bagi tujuan berkenaan, makluman perlu dibuat kepada staf yang terlibat sekiranya berminat untuk meneruskan kontrak di FKEE.</p>
10	<p style="text-align: center;">TAMAT TEMPOH SELAKU PENYELIDIK UTAMA DI EMCENTRE</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum Prof. Madya Dr. Samsul Haimi Bin Dahlan dan Prof. Madya Dr. Xavier Ngu Toh Ik telah tamat tempoh selaku penyelidik utama (PR) di EMCENTRE bermula 01 Januari 2024.</p>
11	<p style="text-align: center;">LAWATAN KE INDUSTRI</p>	<p>Mesyuarat secara dasarnya bersetuju lawatan ke industri perlu dipertingkatkan melibatkan staf dan pelajar FKEE bagi meningkatkan hubungan dengan industri yang boleh memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak.</p>
12	<p style="text-align: center;">MAKLUMAN LANJUT OPERASI RUANG INKUBATOR DI BLOK QB</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum kelulusan lanjut operasi ruang inkubator di Blok QB FKEE sehingga jam 11.00 malam dengan pematuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan.</p>
13	<p style="text-align: center;">KELULUSAN PELANTIKAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI PROGRAM BEV</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum kelulusan pelantikan Panel Penasihat Industri Program BEV iaitu Ir. Abd Karim Bin Abd Rahman mulai 1 Februari 2024 hingga 31 Januari 2026.</p>

14	KELULUSAN PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR PROGRAM BEV	Mesyuarat mengambil maklum kelulusan pelantikan Pemeriksa Luar Program BEV iaitu Prof. Ir. Dr. Hazlie Bin Mokhlis mulai 1 Jun 2024 hingga 31 Mei 2026.
15	CADANGAN MENGHANTAR 2 ORANG STAF PENOLONG JURUTERA UNTUK MENJALANI KURSUS PENSIJILAN AO	Mesyuarat secara dasarnya bersetuju untuk memohon peruntukan daripada Pejabat Pendaftar untuk menghantar 2 orang staf Penolong Jurutera bagi menjalani kursus pensijilan AO secara pembiayaan penuh. Pengurus Makmal perlu mengenalpasti calon yang berminat dan berkelayakan bagi perkara berkenaan.